

**AGIHAN DANA ZAKAT KEPADA GOLONGAN
BUKAN ISLAM DI MALAYSIA: SATU
PENELITIAN KUALITATIF SEMASA**

SITI NURAI SYAH BINTI HASHIM

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2023

**AGIHAN DANA ZAKAT KEPADA GOLONGAN
BUKAN ISLAM DI MALAYSIA: SATU
PENELITIAN KUALITATIF SEMASA**

oleh

SITI NURAI SYAH BINTI HASHIM

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Februari 2023

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnianya penulisan tesis ini dapat diselesaikan. Semoga penulisan ini dapat menambah karya-karya sedia ada serta mendapat keredhaan daripada Allah SWT.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia utama Dr. Suziana Mat Yasin dan penyelia bersama Dr. Wan Norhaniza Wan Hasan kerana memberi bimbingan dan tunjuk ajar sepanjang menjalankan kajian ini. Penghargaan juga ditujukan kepada Dr. Zahri Hamat yang telah banyak memberi sokongan, berkongsi idea dan memberikan bimbingan dalam menyiapkan tesis ini. Terima kasih juga diucapkan kepada Dr. Mohd Shukri Hanapi kerana menyumbang pandangan dalam tesis ini, seterusnya ucapan terima kasih ditujukan kepada semua pensyarah Perancangan dan Pengurusan Pembangunan, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia serta para pensyarah di Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam.

Penghargaan istimewa buat suami Wan Mohd Noor Hafiz Wan Mansor, anakanda, Wan Muhammad Ammar Haziq dan ayahanda, Hashim Hasan, keluarga mertua dan seluruh ahli keluarga yang tidak pernah jemu mendoakan, memberi sokongan dan dorongan dalam menyiapkan tesis ini. Penghargaan turut ditujukan kepada sahabat seperjuangan Norazira Ali, Nurul Huda Yaacob dan Juniza Jamari yang banyak membantu dan memberikan sokongan.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada Sahibus Samahah Dato' Hj. Mohamad Shukri Bin. Mohamad, Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Arif Perkasa Dr. Mohd Asri Bin. Zainul Abidin, Sahibus Samahah Dato' Dr. Hj. Wan Salim bin Wan Mohd Noor dan Sahibus Sahamah Datuk Dr Hj. Anhar bin Hj. Opir. Ucapan terima kasih juga ditujukan buat para pensyarah daripada Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Sains Malaysia atas kesudian ditemu bual untuk kajian ini. Seterusnya ucapan terima kasih diucapkan kepada informan daripada Majlis Agama Islam dan institusi-institusi zakat yang memberikan kerjasama dalam memberikan maklumat berkenaan agihan zakat kepada mualaf dan golongan bukan Islam.

Ucapan terima kasih turut diucapkan kepada semua pihak dan individu yang membantu dalam menyiapkan tesis ini secara langsung atau tidak langsung. Hanya Allah SWT sahaja yang dapat membalas segala budi baik kalian.

Siti Nuraisyah binti Hashim
Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan
Universiti Sains Malaysia

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
SENARAI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI SINGKATAN	x
ABSTRAK	xii
ABSTRACT	xiv
BAB 1 Pengenalan	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian.....	2
1.3 Pernyataan Masalah.....	10
1.4 Persoalan kajian.....	19
1.5 Objektif Kajian	19
1.6 Definisi Operasional.....	20
1.6.1 Dana Zakat	20
1.6.2 Golongan Bukan Islam.....	22
1.6.3 Tafsiran Kontemporari	25
1.7 Skop Dan Batasan Kajian.....	27
1.7.1 Skop Kajian.....	27
1.7.2 Batasan Kajian	28
1.7.1(a) Batasan Perbincangan.....	28
1.7.2(b) Batasan Informan.....	29
1.8 Kepentingan Kajian.....	29

1.9	Organisasi Tesis	31
1.10	Ringkasan	32
BAB 2	SOROTAN KARYA	33
2.1	Pendahuluan	33
2.2	Sejarah Agihan Zakat Kepada Mualaf	34
2.3	Sejarah Agihan Zakat Zaman Rasulullah Dan Khulafa ar-Rasyidin.....	36
2.4	Pandangan Mazhab Berkenaan Mualaf.....	45
2.5	Tafsiran Mualaf Di Malaysia	53
2.5.1	Definisi Asnaf Mualaf.....	54
2.5.2	Fatwa Berkenaan Zakat Kepada Mualaf Dan Golongan Bukan Islam.....	64
2.5.3	Had Tempoh Mualaf	70
2.6	Bantuan Dana Zakat Kepada Asnaf Mualaf.....	74
2.7	Zakat Dan Maqasid Syariah	81
2.8	Zakat Dan Pembangunan Ekonomi, Sosial Dan Spiritual.....	83
2.9	Zakat Dan Matlamat Pembangunan Mampan	87
2.10	Agihan Zakat Kepada Golongan Bukan Islam.....	92
2.11	Kajian Berkaitan Mualaf Dan Dakwah	97
2.12	Kajian Zakat Dan Golongan Bukan Islam	100
2.13	Ringkasan Bab.....	109
BAB 3	KAEDAH PENYELIDIKAN.....	110
3.1	Pendahuluan	110
3.2	Kaedah Penyelidikan.....	110
3.3	Komposisi Agama.....	114
3.4	Pentadbiran Zakat Di Malaysia	116
3.5	Kaedah Pengumpulan Data	127

3.5.1	Kedah Pengumpulan Data Primer.....	128
	3.2.1(a) Kaedah Persampelan	128
	3.2.1(b) Pemilihan Mufti.....	130
	3.2.1(c) Pemilihan Informan Ahli Akademik	135
	3.2.1(d) Pemilihan Informan Institusi Zakat.....	136
	3.2.1(e) Teknik Pengumpulan Data Dan Instrumen Kajian.....	140
3.5.2	Kaedah Pengumpulan Data Sekunder.....	143
	3.5.1(a) Pemilihan Tafsir	146
3.6	Kaedah Penganalisan Data	148
	3.6.1 Triangulasi Data.....	152
3.7	Proses Dan Cabaran Dalam Pengumpulan Data	153
3.8	Tatacara Kajian	155
3.9	Kesimpulan.....	157
BAB 4 ANALISIS TAFSIR DAN PANDANGAN		
	CENDEKIAWAN	158
4.1	Pengenalan	158
4.2	Golongan Bukan Islam Dalam Tafsiran <i>al-Mu'allafah Qulubuhum</i>	158
4.3	Pandangan Mufti Tentang <i>al-Mu'allafah Qulubuhum</i> Dan Agihan Kepada Golongan Bukan Islam.....	165
	4.3.1 Definisi Dan Ciri-ciri <i>al-Mu'allafah Qulubuhum</i>	166
	4.3.2 Agihan Zakat Kepada Golongan Bukan Islam Untuk Kepentingan Islam.....	178
4.4	Pandangan Ahli Akademik Berkenaan Agihan Zakat Kepada Golongan Bukan Islam.....	182
4.5	Kesimpulan.....	195

BAB 5	ANALISIS AGIHAN ZAKAT KEPADA GOLONGAN BUKAN ISLAM.....	197
5.1	Pengenalan	197
5.2	Agihan Zakat Kepada Golongan Bukan Islam Oleh Institusi Zakat	197
5.3	Agihan Dana Zakat Kepada Golongan Bukan Islam, Pandangan Mufti, Cendekiawan dan Pihak Pelaksana	219
5.4	Trend Agihan Zakat Kepada Golongan Bukan Islam	227
5.4.1	Sebab Pengagihan Dibuat Kepada Golongan Bukan Islam	232
5.4.2	Sebab Pengagihan Zakat Tidak Dibuat Kepada Golongan Bukan Islam.....	233
5.5	Rumusan Definisi Dan Praktis Agihan Zakat Kepada Golongan Bukan Islam	235
5.6	Kesimpulan Analisis	242
BAB 6	PENUTUP.....	244
6.1	Pendahuluan	244
6.2	Dapatan Dan Kesimpulan Kajian.....	244
6.3	Implikasi Dasar Kajian.....	247
6.4	Cadangan Kajian Masa Depan	250
6.5	Kesimpulan.....	252
	BIBLIOGRAFI.....	253
	SENARAI TEMU BUAL	
	LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 2.1	Pembahagian Definisi Mualaf oleh JAWHAR55
Jadual 2.2	Definisi Asnaf Mualaf di Institusi Zakat di Malaysia.....56
Jadual 2.3	Kod-kod yang Dicapangankan Bagi Melancarkan Pelaksanaan Keseluruhan Program-program Dakwah kepada Non-Muslim.....67
Jadual 2.4	Had Tempoh Panggilan Mualaf Mengikut Negeri di Malaysia 71
Jadual 2.5	Bantuan yang Boleh Diperoleh Asnaf Mualaf 76
Jadual 2.6	Skim Agihan Mengikut Negeri 77
Jadual 2.7	Contoh Pembahagian Bantuan Dan Maqasid Syariah 82
Jadual 2.8	Tujuan, Sasaran Dan Indikator Sustainable Development Goals90
Jadual 3.1	Jumlah Penduduk Islam Dan Bukan Islam Mengikut Negeri di Malaysia 115
Jadual 3.2	Negeri Dan Institusi Yang Menguruskan Zakat di Malaysia..... 118
Jadual 3.3	Ringkasan Teknik Persampelan Mengikut Kumpulan Informan..... 129
Jadual 3.4	Pemilihan Mufti Dan Timbalan Mufti 131
Jadual 3.5	Justifikasi Pemilihan Mufti Sebagai Informan Kajian 132
Jadual 3.6	Senarai Informan Ahli Akademik 136
Jadual 3.7	Senarai Informan Institusi Zakat..... 137
Jadual 3.8	Kumpulan Informan Dan Bilangan..... 143
Jadual 3.9	Kitab Tafsir Dan Kelebihan 146
Jadual 3.10	Perkaitan Antara Objektif Kajian, Persoalan Kajian dan Kaedah Penyelidikan Kajian 151

Jadual 4.1	Pembahagian Maksud <i>al-Mu'allafatu Qulubuhum</i> Oleh Ulama Tafsir	164
Jadual 4.2	Pandangan Mufti Berkenaan Definisi <i>al-Mu'allafah Qulubuhum...</i>	166
Jadual 4.3	Pandangan Mufti Terhadap Agihan Zakat Kepada Golongan Bukan Islam	181
Jadual 4.4	Pandangan Ahli Akademik Berkenaan Agihan Zakat kepada Golongan Bukan Islam.....	192
Jadual 5.1	Agihan Kepada Golongan Bukan Islam oleh MAIN Dan Institusi Zakat.....	199
Jadual 5.2	Agihan Zakat Kepada Golongan Bukan Islam Dan Manfaat Bantuan	215
Jadual 5.3	Agihan Zakat Kepada Golongan Bukan Islam, Pandangan Mufti, Cendekiawan Dan Pihak Pelaksana	219
Jadual 5.4	Rumusan Definisi Dan Praktis Agihan Zakat Kepada Golongan Bukan Islam	236

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1	Konsep Agihan Zakat.....53
Rajah 2.2	Kerangka Konseptual Kajian 107
Rajah 3.1	Kajian Kualitatif Asas 113
Rajah 3.2	Tatacara Keseluruhan Kajian 155
Rajah 4.1	Tiga Perkara Utama Pengagihan Zakat Kepada Golongan Bukan Islam 193
Rajah 5.1	Carta Pai Peratusan Agihan Zakat oleh Negeri-negeri di Malaysia 227

SENARAI SINGKATAN

CSR	<i>Corporate Social Responsibility</i>
JAIN	Jabatan Agama Islam Negeri
JAINJ	Jabatan Agama Islam Negeri Johor
JAIS	Jabatan Agama Islam Selangor
JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli
JAWHAR	Jabatan Wakaf, Haji dan Zakat
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
KIMA	Persatuan Muslim India Kelantan
LZNK	Lembaga Zakat Negeri Kedah
LZS	Lembaga Zakat Selangor
MACMA	Malaysian Chinese Muslim Association
MAIDAM	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Negeri Terengganu
MAIK	Majlis Agama Islam Kelantan
MAIN	Majlis Agama Islam Negeri
MAINS	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan
MAIPk	Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
MAIPs	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis
MAIS	Majlis Agama Islam Selangor
MAIWP	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
MUIP	Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang
NGO	Non Government Organization
OCMPs	One Centre Malaysia, Perlis
PERKIM	Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia

PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PPZ	Pusat Pungutan Zakat
PZS	Pusat Zakat Sabah
RM	Ringgit Malaysia
SAW	<i>Shallallahu 'Alaihi Wa Sallam</i>
SDG	<i>Sustainable Development Goals</i>
SWT	<i>Subhanahu Wa Ta'ala</i>
TBS	Tabung Baitulmal Sarawak
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
USM	Universiti Sains Malaysia
ZPP	Zakat Pulau Pinang

**AGIHAN DANA ZAKAT KEPADA GOLONGAN BUKAN ISLAM DI
MALAYSIA: SATU PENELITIAN KUALITATIF SEMASA**

ABSTRAK

Zakat merupakan salah satu sumber ekonomi umat Islam yang dapat membawa kepada pembangunan diri, ekonomi dan kesejahteraan hidup secara langsung mahupun tidak langsung kepada asnaf. Menerusi agihan dalam pelbagai bentuk seperti pendidikan, pembangunan infrastruktur dan sara hidup, agihan ini dapat memberi manfaat kepada asnaf dalam mengeluarkan mereka daripada masalah yang dihadapi. Namun begitu, agihan kepada golongan bukan Islam menjadi suatu isu yang sering dibincangkan kerana terdapat pelbagai pandangan berkenaan agihan zakat kepada golongan bukan Islam. Persoalannya, adakah zakat boleh diberikan kepada golongan bukan Islam dalam konteks semasa? Apakah sebab yang memungkinkan seseorang bukan Islam itu diberikan zakat? Oleh itu, tesis ini bertujuan mengenal pasti tafsiran bukan Islam dalam perkataan *al-mu'allafah qulubuhum* dan menganalisis pandangan cendekiawan berkenaan agihan zakat kepada bukan Islam serta menganalisis amalan agihan zakat kepada golongan bukan Islam oleh institusi zakat di Malaysia. Kajian dokumen dan kaedah temu bual bersemuka serta kaedah temu bual melalui panggilan telefon digunakan sebagai kaedah mendapatkan data dalam kajian ini. Analisis kandungan dibuat ke atas pandangan mufti, ahli akademik dan informan daripada institusi zakat terpilih. Dapatan mempamerkan bahawa adanya fatwa kebangsaan yang mengharuskan agihan zakat kepada golongan bukan Islam bagi tujuan dakwah yang melibatkan golongan Orang Asli. Perlis juga mengeluarkan fatwa dalam pemberian zakat kepada golongan bukan Islam di bawah asnaf mualaf bertujuan untuk menarik

minat golongan bukan Islam kepada agama Islam. Golongan bukan Islam dengan ciri-ciri tertentu berada dalam pentafsiran asnaf *al-mu'allafah qulubuhum*. Pandangan cendekiawan pula terbahagi kepada dua iaitu yang bersetuju dengan pengagihan zakat kepada golongan bukan Islam dan yang tidak bersetuju pengagihan zakat diberikan kepada golongan bukan Islam. Setiap pandangan cendekiawan memiliki sebab-sebab tersendiri. Dari segi pengagihan zakat, hanya negeri Perlis yang memberikan zakat kepada golongan bukan Islam secara langsung manakala Selangor memberikan zakat dalam bentuk pendidikan kepada waris mualaf. Wilayah Persekutuan dan Sabah memberikan zakat secara tak langsung dalam bentuk bencana manakala Kelantan, Pahang, Johor, Selangor dan Negeri Sembilan memberikan zakat secara tidak langsung kepada masyarakat Orang Asli melalui program-program yang dianjurkan di kawasan perkampungan Orang Asli.

DISTRIBUTION OF ZAKAT FUNDS TO NON-MUSLIMS IN MALAYSIA: A CURRENT QUALITATIVE STUDY

ABSTRACT

Zakat is one of the economic resources of Muslims that can lead to self-development, economy and well-being of life directly or indirectly to zakat recipients. Through distribution in various forms such as education, infrastructure development and livelihood, this distribution can benefit the recipients in removing them from the problems they face. Nevertheless, the distribution to non-Muslims is an issue that is often discussed because there are various views regarding the distribution of zakat to non-Muslims. The question is, can zakat be given to non-Muslims in the current context? What are the reasons that make it possible for a non-Muslim to be given zakat? Therefore, this thesis aims to identify the non-Islamic interpretation of the word *al-mu'allafah qulubuhum* and analyze the views of scholars regarding the distribution of zakat to non-Muslims as well as analyze the practice of zakat distribution to non-Muslims by zakat institutions in Malaysia. Document research and face-to-face interview methods as well as telephone interview methods are used as methods of obtaining data in this study. Content analysis was made based on the views of muftis, academics and informants from selected zakat institutions. Findings show that there is a national fatwa that requires the distribution of zakat to non-Muslims for the purpose of preaching involving the Orang Asli. Perlis also issued a fatwa on giving zakat to non-Muslims under the title of mualaf with the aim of attracting non-Muslims to Islam. Non-Muslims with certain characteristics are in the interpretation of asnaf *al-mu'allafah qulubuhum*. The views of scholars are divided into two, those who agree with the

distribution of zakat to non-Muslims and those who do not agree with the distribution of zakat to non-Muslims. Every scholar's point of view has its own reasons. In terms of zakat distribution, only the state of Perlis gives zakat to non-Muslims directly while Selangor gives zakat in the form of education to heirs of converts. Wilayah Persekutuan and Sabah give zakat indirectly in the form of disasters while Kelantan, Pahang, Johor, Selangor and Negeri Sembilan give zakat indirectly to the Orang Asli community through programs organized in Orang Asli villages.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Secara umumnya, tesis ini bertujuan mengenal pasti golongan bukan Islam di bawah asnaf mu'alaf melalui tafsiran ulama tafsir serta menganalisis pandangan mufti dan cendekiawan terpilih di Malaysia terhadap agihan zakat kepada golongan bukan Islam di bawah asnaf *al-mu'allafah qulubuhum* dalam al-Qur'an. Secara lebih khusus, kajian ini memiliki tiga objektif iaitu mengenal pasti tafsiran golongan bukan Islam dalam istilah *al-mu'allafah qulubuhum* oleh ulama tafsir, objektif kedua ialah menganalisis pandangan cendekiawan tentang agihan zakat kepada golongan bukan Islam di Malaysia, objektif terakhir ialah menganalisis amalan agihan zakat kepada golongan bukan Islam oleh institusi zakat di Malaysia. Memandangkan adanya pelbagai pandangan berkenaan agihan zakat kepada golongan bukan Islam, maka kajian ini akan menjelaskan tentang agihan dari sudut pandangan kontemporari dan agihan dalam konteks semasa.

Sebagai pengenalan, bab ini akan membincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian dan persoalan kajian. Selain itu, perbincangan mengenai definisi operasional, skop dan batasan kajian, kepentingan kajian serta organisasi tesis juga dinyatakan dalam bab ini.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Dalam Islam, pengagihan semula kekayaan dilakukan dengan pelbagai cara dan mengikut ketetapan yang telah digariskan al-Qur'an. Sedekah dianjurkan Islam bagi lebih harta kepada mereka yang memerlukan, hal ini dilakukan dengan sendiri tanpa paksaan namun setiap yang melakukannya dijanjikan pahala dan kebaikan. Selain sedekah, zakat merupakan satu ketetapan yang diwajibkan kepada orang Islam untuk membantu golongan yang memerlukan. Zakat merupakan rukun Islam ketiga. Dari segi bahasa, zakat bermakna tumbuh, suci dan berkat (Sayyid Sabiq, 2009). Menurut Ibnu Taimiyah, orang yang mengeluarkan zakat menjadi suci serta bersih dan hartanya berkembang. Zakat ada dua jenis iaitu zakat fitrah dan zakat harta. Zakat fitrah dikeluarkan pada Bulan Ramadan manakala zakat harta merupakan pemindahan hak milik atas bahagian dari harta tertentu kepada orang yang berhak menerimanya daripada golongan tertentu untuk mendapat redha Allah SWT serta menyucikan jiwa, harta dan masyarakat (Husien Sahatah, 2005).

Zakat mengelakkan berlakunya ketidakseimbangan di mana golongan yang kaya terus kaya manakala golongan yang miskin terus miskin. Zakat diambil daripada harta orang kaya untuk diagihkan kepada golongan miskin. Hadis tersebut bermaksud:

“Ajaklah mereka bersyahadah bahawa tidak ada Tuhan melainkan Allah dan bahawasanya Aku adalah utusan Allah SWT, jika mereka mentaatinya maka hendaklah engkau memberitahu mereka bahawa Allah SWT memfardhukan ke atas mereka solat lima waktu sehari semalam. Maka jika mereka mentaatinya, hendaklah engkau memberitahu mereka bahawa Allah memfardhukan kepada mereka menunaikan zakat pada harta mereka. Harta itu diambil dari orang kaya dan diberikan kepada orang miskin dalam kalangan mereka” (al-Bukhari, No. Hadis: 478).

Zakat merupakan ibadah yang wajib dikeluarkan golongan kaya sebagai tanda syukur dan pengeluaran ini dapat menyucikan harta mereka. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Ambillah (sebahagian dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan menyucikan mereka (dari akhlak yang buruk) dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka” (Surah al-Taubah, 9:103).

Terdapat pelbagai hikmah di sebalik pensyariatan zakat. Bagi pengeluar zakat, mereka dijanjikan kebaikan dan pemberian zakat dapat menghindarkan mereka dari sifat tamak dan kedekut. Dari sudut penerima pula, zakat dapat memberikan harapan bagi kehidupan mereka. Zakat membantu bukan sahaja dari sudut ekonomi, namun daripada aspek sosial dan spiritual (Kumara Adji Kusuma & Muhamad Nafik Hadi Ryandono, 2016). Agihan zakat dapat membantu dalam pembangunan manusia dan masyarakat. Zakat menjadi satu bentuk jaminan keselamatan sosial bagi mereka yang miskin dan memerlukan (Wahiri Mahmud, 1991; Mujaini Tarimin, 1995) dan membangunkan pertumbuhan ekonomi yang seimbang melalui agihan semula kekayaan dalam masyarakat (Pathmawati Hj Ibrahim, 2008).

Melalui pengurusan zakat yang baik, agihan zakat dapat mengurangkan kadar kemiskinan yang dialami golongan fakir miskin (Mohd Rodzi Embong et. al, 2013; Fuadah Johari et. al, 2014), merangsang agregat dan pertumbuhan (Zarina Kadri et al., 2012) dan membantu golongan yang memerlukan melalui edaran makanan, pakaian dan keperluan lain (Mustapha Isa Qasim, 2019). Selain itu, melalui penglibatan antara kerajaan dan institusi zakat, pengurusan zakat menunjukkan hasil positif dalam membantu mengurangkan masalah kemiskinan (Aan Jaelani, 2015).

Melalui pelbagai program yang dilaksanakan institusi zakat dapat membantu dalam aspek peningkatan kualiti hidup asnaf (Hairunnizam Wahid et al., 2004; Khairul Azhar Meerangani, 2017; Teh Suhaila Tajuddin et al., 2016, Mardiatul Akmaliah Mohd Asri & Azizi Abu Bakar, 2015).

Oleh itu, peranan zakat adalah besar dalam membantu kerajaan menguruskan masalah kemiskinan dan membangunkan rakyat dari pelbagai sudut (Eko et al., 2017). Kemiskinan adalah salah satu matlamat yang ingin dicapai menerusi Matlamat Pembangunan Mampan atau *Sustainable Development Goals* (SDG).¹ Matlamat Pembangunan Mampan diperkenalkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB-UN) bersama negara-negara anggota. Tiga aspek penting dalam Matlamat Pembangunan Mampan ialah alam sekitar, ekonomi dan sosial secara holistik. Pembangunan mampan merupakan pembangunan yang memenuhi keperluan semasa tanpa menggugat keupayaan generasi akan datang untuk memenuhi keperluan mereka.

Pembasmian kemiskinan dan kelaparan sifar merupakan Matlamat Pembangunan Mampan yang pertama dan kedua. Matlamat pertama (pembasmian kemiskinan) dan matlamat kedua (kelaparan sifar) ini adalah selaras dengan matlamat pengagihan zakat iaitu untuk mengeluarkan asnaf daripada kemiskinan dan kefakiran. Menurut Sya'rawi (2006), rukun ini yakni zakat ditetapkan Allah SWT untuk kemaslahatan fakir dan miskin. Beberapa kajian menunjukkan adanya perkaitan antara institusi zakat dan skim agihan dengan Pembangunan Mampan (Azman Ab Rahman 2019; Hafizah et al., 2019). Terdapat pelbagai skim bantuan untuk asnaf bagi membantu asnaf memperbaiki kehidupan mereka dan meningkatkan

¹ Sustainable Development Goals (2019). Dicapai pada 23 Februari 2020 di <https://sustainabledevelopment.un.org/sdgs>

keupayaan diri. Antara bantuan yang diberikan ialah bantuan sara diri, bantuan modal, bantuan pendidikan, bantuan perumahan dan sebagainya. Agihan zakat melalui skim-skim bantuan ini membantu bukan sahaja dalam proses membangunkan individu malah membantu juga masyarakat secara umum. Selain daripada skim agihan, kerjasama yang dilakukan institusi zakat antara kerajaan dan Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) turut menyumbang kepada pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan yang terakhir iaitu mengadakan hubungan dalam memberi sumbangan kepada masyarakat. Peranan institusi zakat bergabung dengan pelbagai pihak dalam menguruskan agihan zakat juga selari dengan Matlamat Pembangunan Mampan yang ke tujuh belas yang memfokuskan kepada jalinan kerjasama antara kerajaan, institusi zakat dan NGO.

Pembangunan manusia dapat dicapai dengan adanya peningkatan tahap ekonomi, pendidikan dan kesihatan. Berdasarkan kajian Mudita Sri Karuni (2020), zakat mempunyai pengaruh hubungan yang positif terhadap pembangunan manusia di Indonesia. Begitu juga dengan kajian yang dilaksanakan Khairul Azhar Meerangani (2017) dan Hairunnizam Wahid (2004) yang menyatakan bahawa pelbagai program dan bantuan zakat dapat memberi kesan yang positif terhadap kualiti hidup asnaf. Skim agihan yang disalurkan memenuhi hak asasi manusia yang memerlukan keperluan asas untuk kehidupan. Menurut Nisar Mohammad Ahmad dan Mohd Mahyeddin bin Mohd Salleh (2018), prinsip asas kepada hak asasi manusia dalam Islam adalah melibatkan lima prinsip maqasid syariah iaitu menjaga agama, akal, maruah, harta dan keturunan. Semua hak tersebut membentuk hak dan kebebasan lain untuk hidup seperti kebebasan bersuara, mendapat pendidikan, berkahwin dan sebagainya.

Dalam pengagihan zakat, pemberian dalam bentuk skim agihan bantuan pendidikan, sara hidup, bantuan perkahwinan antara skim yang membantu dalam memenuhi hak asasi manusia. Contoh lain ialah agihan makanan, pemberian elaun bulanan, sewaan rumah, tajaan pendidikan antara skim yang disediakan institusi zakat. Pembangunan manusia yang menyeluruh iaitu fizikal dan spiritual dapat dicapai melalui agihan zakat, namun, zakat yang dikutip daripada pembayar hanya diagihkan kepada golongan tertentu sahaja. Zakat diberikan hanya kepada lapan golongan sebagaimana yang telah dinyatakan Allah SWT. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin dan amil-amil yang menguruskannya dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan.(Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah.Dan (ingatlah) Allah amat mengetahui, lagi amat bijaksana.” (al-Taubah, 9: 60).

Berdasarkan ayat tersebut, asnaf fakir² dan miskin³ disebut dahulu seterusnya zakat diagihkan kepada asnaf ketiga iaitu petugas yang mengutip zakat atau amil⁴, keempat, orang yang dijinakkan hati⁵, kelima, untuk memerdekakan hamba⁶,

² Menurut Sayyid Sabiq (2009), fakir merupakan mereka yang hidup dalam kekurangan dan tidak memiliki apa-apa yang mereka perlukan. Walaupun adanya perkataan ‘dan’ dalam ayat tersebut, tetapi fakir miskin merupakan golongan yang sama iaitu mereka yang tidak memiliki harta sebagaimana orang kaya.

³ Menurut Sayyid Sabiq (2009), orang miskin termasuk dalam orang fakir tetapi keadaannya tidak diketahui orang kerana mereka tidak meminta-minta. Hal ini dijelaskan dengan Hadis Nabi yang membacakan surah al- Baqarah ayat 273, Allah SWT berfirman yang bermaksud: “Mereka tidak meminta kepada orang secara mendesak”. Hal ini juga yang dinyatakan dalam Hadis Bukhari dan Muslim dalam Tafsir Ibnu Katsir (2009).

⁴ Amil merupakan mereka yang membantu mengumpulkan zakat. Berdasarkan Tafsir Sya’rawi (2006), tiada pengkhususan sama ada amil ni miskin atau tidak, mereka diberikan gaji atau zakat atas tugas mereka. Dengan adanya amil zakat, mereka dapat memudahkan urusan pengagihan zakat dan menjadi perantara antara orang kaya dan orang miskin. Hal ini dapat mengelakkan penghinaan dan kezaliman terhadap orang miskin.

⁵ Tafsir Mubin (2009) mengambil pandangan al-Sabuni iaitu yang dimaksudkan dengan muallaf ialah satu puak dalam kalangan ketua-ketua suku Arab yang diberikan bahagian zakat oleh Rasulullah untuk menjinakkan hati mereka menerima Islam. Hal ini juga dijelaskan dalam Tafsir Al-Qur’an al-

keenam, orang-orang yang berhutang⁷, ketujuh untuk jalan Allah SWT atau *fi sabilillah*⁸ dan yang terakhir untuk orang yang sedang dalam perjalanan⁹. Sesuatu yang menarik mengenai golongan yang dijinakkan hati atau *al-mu'allafah qulubuhum* ialah mereka merupakan penerima zakat atas tujuan dakwah supaya mereka lebih dekat dengan Islam dan kecintaan mereka kepada Islam semakin mendalam.

Dalam kajian ini, penggunaan istilah mu'alaf digunakan penyelidik kerana mu'alaf disebut dalam al-Qur'an iaitu *al-mu'allafah qulubuhum*. Penyelidik ingin mengetahui makna istilah tersebut dalam al-Qur'an. Perkataan mu'alaf datang daripada perkataan *al-mu'allafah qulubuhum* yang disebut sekali sahaja dalam Surah al-Taubah. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, mu'alaf bermaksud orang yang baru memeluk agama Islam atau saudara baru. Di Malaysia, istilah mu'alaf sering digunakan oleh masyarakat Melayu untuk merujuk mereka yang telah memeluk Islam dalam kalangan mereka yang berbangsa Cina, India Orang Asli dan sebagainya

Azim (1999) bahawa golongan yang diberikan harta supaya dekat dengan Islam seperti pemberian Nabi kepada Safwan bin Umayyah yang asalnya membenci Nabi sehingga benci itu bertukar kepada rasa sayang.

⁶ Berdasarkan beberapa riwayat dalam kitab Tafsir Ibnu Katsir (2009) yang dimaksudkan dengan *al-riqab* ialah *al-mukatib* iaitu hamba sahaya yang melakukan perjanjian bebas. Diberikan zakat kepada tuannya untuk membebaskannya. Namun al-Qurthubi (2008) meluaskan maksud tersebut, hal ini bermakna bukan sahaja hamba yang ada perjanjian dengan tuannya sahaja boleh dibebaskan dengan wang zakat namun hamba yang selain itu juga boleh.

⁷ Orang yang berhutang ada beberapa kategori menurut Tafsir Ibnu Katsir (2009), antaranya ialah orang yang ada tanggungan denda atau hutang yang harus dilangsaikan, namun untuk melangsangkannya perlu diambil semua hartanya, atau dia perlu berhutang dengan orang lain atau berhutang dan melakukan maksiat namun dia bertaubat, maka orang-orang ini diberikan zakat dalam bahagian ini.

⁸ *Fisabilillah* menurut Sayyid Sabiq (2009) merupakan orang yang keluar dari rumah untuk mencapai redha Allah SWT dalam mencari ilmu dan beramal. Pendapat ulama menyatakan mereka merupakan golongan yang berperang di jalan Allah SWT. Para tentera juga dapat zakat dalam bahagian ini. Dalam Tafsir Sya'rawi (2006) turut dinyatakan berkenaan jihad. Orang yang berjihad di jalan Allah dengan jiwa dan harta. Segala pengorbanan di jalan Allah SWT termasuk dalam kategori ini seperti membangunkan masjid, sekolah dan rumah sakit.

⁹ Tafsir Mubin (2009) menjelaskan makna *ibnu sabil* iaitu orang yang terputus bekalan semasa merantau sama ada pelajar dan sebagainya. Menurut Tafsir Sya'rawi (2006), seseorang dinisbahkan kepada daerah asalnya, namun orang yang sedang dalam perjalanan mesti dinisbahkan kepada jalan yang ditempuhinya. Dia dibantu untuk kembali kepada daerah asalnya kerana mungkin dia mengalami kesulitan dalam perjalanan seperti hartanya dicuri atau dirompak, bantuan diberikan kepada *ibnu sabil* walaupun dia seorang yang kaya di daerah asalnya.

(Amran Kasimin, 1985) manakala di Asia Tenggara pula, penggunaan istilah saudara baru atau saudara kita sering digunakan bagi merujuk golongan yang baru memeluk Islam berbanding panggilan mualaf (Kamarulzaman Kawi dan Nur A'thiroh Maasya'il Tan, 2020). Irwan Mohd Subri et al. (2015), turut menyatakan bahawa adanya istilah-istilah tadi iaitu saudara baru, saudara kita dan mualaf bagi mereka yang baru memeluk Islam.

Kamus Istilah Fiqih (1997) menyimpulkan secara umum bahawa *al-mu'allafah qulubuhum* ialah orang yang dipujuk hatinya atau yang baru masuk Islam yang imannya lemah dan mereka merupakan antara lapan golongan yang berhak menerima zakat. Bagi golongan selain Islam yang belum mengucap dua kalimah syahadah, mereka biasanya dipanggil bukan Islam. Golongan bukan Islam adalah mereka yang merupakan penganut agama selain Islam. Mereka boleh terdiri daripada penganut agama Kristian, Buddha, Sikh, tiada agama dan sebagainya.

Bagi seseorang yang telah memeluk Islam, maka orang tersebut layak mendapatkan bantuan zakat. Pemberian dana zakat diharapkan dapat menjaga kebajikan mereka sebagai mualaf selain menjadi instrumen dakwah (Azman Ab Rahman, et al., 2014). Menurut Nik Mustapha Nik Hassan (2014), pengagihan zakat kepada mualaf disebabkan adanya hubung kait dengan urusan dakwah dan mempertahankan agama. Pemberian zakat dibuat untuk mendorong mereka supaya lebih tertumpu pada Islam setelah memeluk Islam. pemberian ini juga dapat membantu mereka yang berkemungkinan berhadapan dengan masalah seperti dimusuhi keluarga dan hilang sumber pendapatan (Rif'at Abd. Al-Latif Masyhur, 2002).

Memandangkan Malaysia merupakan sebuah negara yang berbilang bangsa dan etnik, maka mualaf di Malaysia juga terdiri dari pelbagai kaum. Dari sudut statistik, Malaysia terdiri daripada 32.7 juta penduduk yang terdiri daripada 69.7 peratus etnik Bumiputera, 2.3 peratus etnik Cina, 6.7 peratus etnik India dan selebihnya iaitu 0.7 peratus adalah kaum-kaum lain (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021). Kaum-kaum lain terdiri daripada beberapa kategori. Penduduk peribumi di Semenanjung Malaysia iaitu Orang Asli secara umumnya terbahagi kepada tiga kaum terbesar iaitu Negrito, Senoi dan Melayu Proto. Negeri Sabah pula mempunyai kumpulan etnik yang mempunyai pelbagai dialek dan budaya terbesar iaitu sebanyak 32 kumpulan etnik komuniti.

Kumpulan etnik yang terbesar ialah etnik Kadazandusun. Kumpulan lain termasuk Rungus, Bajau, Bajau Laut, Murut, Lundayeh, Orang Sungai dan Iranun. Penduduk Sarawak pula terdiri daripada 27 kumpulan etnik dan etnik Iban adalah etnik majoriti selain Bidayuh, Melanau dan Orang Ulu (Jabatan Penerangan Malaysia, 2017). Dari sudut agama pula, penduduk beragama Islam adalah majoriti. Penduduk Islam merupakan 63.5 peratus daripada populasi rakyat di Malaysia diikuti penduduk beragama Buddha, 18.7 peratus, penduduk beragama Kristian 9.1 peratus, Hindu 6.1 peratus, lain-lain 0.9 peratus dan tiada agama atau tidak diketahui 1.8 peratus (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020).

Proses memeluk Islam berlaku hasil daripada pergaulan dan interaksi sesama kaum dalam masyarakat (Nur A'thiroh Masyaail Tan Abdullah & Fariza Md Sham, 2009). Pengislaman seseorang mualaf akan memberi cabaran dalam hidup mualaf tersebut. Mualaf terpaksa berhadapan dengan cabaran dari sudut luaran dan dalaman. Perasaan sedih dan kecewa boleh dihadapi oleh mualaf disebabkan mendapat tentangan dan dipulaukan keluarga (Salasiah Hanin Hamjah, 2013). Tekanan

psikologi juga boleh terjadi kepada seorang mualaf seperti tekanan spiritual penghayatan agama, tekanan daripada pihak keluarga, keluarga angkat dan masyarakat serta tekanan psikologi penyesuaian diri (Nur A'thiroh Masyaail Tan Abdullah & Fariza Md Sham, 2009). Oleh itu, agihan kepada golongan mualaf adalah untuk membantu mereka dalam berhadapan dengan cabaran kehidupan setelah memeluk Islam.

Selain orang yang baru memeluk Islam, dari sudut definisi, mualaf ini boleh juga dikategorikan kepada golongan bukan Islam. Beberapa institusi zakat contohnya Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) juga menyatakan hal tersebut iaitu mualaf boleh juga terdiri daripada golongan bukan Islam. Dua kategori untuk golongan bukan Islam ialah orang bukan Islam yang boleh dipujuk supaya menganut Islam dan orang bukan Islam yang boleh dipujuk supaya tidak mengancam orang-orang Islam JAWHAR (2007).

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Di Malaysia zakat diurus oleh Majlis Agama Islam negeri dan institusi yang dipertanggungjawabkan bagi menguruskan dana zakat. Zakat diuruskan di bawah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) di mana setiap negeri mempunyai pentadbiran MAIN sendiri.¹⁰ Hal ini disebabkan Perlembagaan Persekutuan Malaysia telah menyenaraikan hal yang berkaitan hal ehwal Islam contohnya wasiat, zakat dan baitulmal adalah terletak di bawah pentadbiran negeri-negeri.¹¹ Oleh itu, wujud perbezaan dari segi agihan dan definisi asnaf. Ada negeri yang mendefinisikan mualaf yang telah Islam sahaja dan ada yang mendefinisikan mualaf sebagai orang

¹⁰ MAIN berperanan menasihati Sultan dalam hal agama Islam. MAIN juga menguruskan dana zakat dan harta baitulmal selain mempunyai tanggungjawab mengubal dasar-dasar berkenaan hal ehwal Islam. MAIN juga menubuhkan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) yang akan membantu MAIN melaksanakan dasar yang telah dibuat oleh pihak MAIN.

¹¹ Perkara 74 dan 80 (1), Perlembagaan Persekutuan.

yang cenderung menerima Islam yang terdiri daripada golongan bukan Islam. Mereka yang baru memeluk Islam atau mualaf dibantu oleh institusi-institusi zakat supaya mereka mendapat manfaat daripada wang zakat yang disalurkan. Terdapat pelbagai bantuan dan kemudahan yang disediakan oleh institusi zakat untuk mereka supaya mereka dapat berdikari dan menjalani hidup dengan baik.

Walaupun begitu, pengagihan zakat kepada mualaf menjadi suatu yang kontroversial baik ditinjau dari sejarah awalnya hinggalah pada masa kini. Dari segi sejarah, agihan zakat kepada mualaf pada zaman Rasulullah SAW adalah melibatkan mereka yang bukan Islam. Rasulullah SAW ada memberikan zakat kepada golongan bukan Islam. Hal ini berkaitan dengan tindakan Rasulullah SAW yang memberikan seratus ekor unta kepada mereka yang masih belum memeluk Islam.¹² Namun ulama berbeza pandangan berkenaan hal ini. Sesetengahnya berpandangan bahawa nabi memberikan kepada golongan bukan Islam harta *fai'* atau harta nabi sendiri bukannya zakat. Hal ini menyebabkan terjadinya perbezaan pandangan dalam mazhab berkenaan agihan zakat kepada golongan bukan Islam. Selain itu, tindakan Khalifah Umar yang menghentikan agihan kepada mualaf juga menjadi perkara yang dibincangkan ulama. Tambahan pula, jika dilihat dari sudut pengutipan dan pengamalan, zakat merupakan dana yang dikutip daripada orang Islam.

Agihan zakat kepada golongan bukan Islam menjadi isu kerana zakat merupakan dana yang dikutip daripada orang Islam dan pembayaran zakat adalah satu ibadah yang wajib dibuat oleh mereka yang memiliki harta dengan jumlah yang telah ditetapkan dan syarat-syarat yang telah ditentukan. Zakat tidak diwajibkan

¹² Rasulullah SAW memberikan kepada Abu Sufyan bin Harb, puteranya Muawiyah, Hakim bin Hizam, Al-Harits bin Kildah, Al-Harits bin Hisyam, Suhail bin Amr, Huwaithab bin Abdul Uzza, Al-Ala' bin Jariyah Ats-Tsaqafi, Uyainah bin Hisn, Al Aqra' bin Habis At-Tamimi, Malik bin Auf An-Nashri dan Safwan bin Umayyah (al-Qurthubi, 2008).

kepada golongan bukan Islam. Mereka tidak dibebani dengan pembayaran zakat dan pada awal Islam mereka hanya perlu membayar jizyah bagi mendapatkan hak-hak mereka sebagai warganegara.¹³ Oleh kerana zakat telah ditetapkan kepada orang Islam maka, pengagihan zakat turut diberikan kepada umat Islam sahaja. Zakat merupakan harta eksklusif yang diedarkan dalam kalangan orang Islam dan bukan semua umat Islam mendapat manfaat zakat tetapi hanya lapan golongan terpilih sahaja. Hal ini kerana harta lain seperti cukai, hadiah, wakaf boleh diberikan kepada golongan bukan Islam. Pemberian kepada golongan bukan Islam dalam harta-harta selain zakat tidak menjadi masalah kerana wakaf dan sedekah boleh dikumpulkan juga daripada golongan bukan Islam. Pengagihan harta dalam bentuk kemudahan awam atau khusus kepada golongan bukan Islam dalam harta yang dikutip daripada cukai juga tidak menjadi masalah. Pengagihan harta zakat kepada golongan bukan Islam boleh menimbulkan ketidakpuasan hati orang Islam.

Oleh sebab itu, pemberian dana zakat kepada golongan bukan Islam menjadi isu yang sentiasa dibincangkan. Perkara ini pernah menjadi kontroversi suatu ketika dulu apabila ramai yang memberikan pandangan mereka sama ada setuju atau tidak dengan agihan zakat kepada golongan bukan Islam. Pada tahun 2008, pemberian zakat kepada masyarakat bukan Islam menjadi isu apabila Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kota Damansara, Dr. Nasir Hashim (ketika itu) memberikan cadangan supaya wang peruntukan zakat disalurkan kepada orang bukan Islam.¹⁴ Hal ini telah menyebabkan pelbagai pandangan dikeluarkan berhubung kenyataan tersebut serta bantahan secara aman dilakukan bagi menunjukkan tanda tidak setuju

¹³ Dengan jizyah mereka layak mendapat perlindungan dan bebas bergerak dan menjalankan rutin harian mereka termasuk dalam urusan agama mereka. Kewajipan membayar jizyah adalah berdasarkan ayat al-Qur'an iaitu Surah al-Taubah, ayat 29 (Mat Saad Abd. Rahman, 1995).

¹⁴ mStar, "Mufti Perlis Zakat Untuk bukan Islam Tujuan Dakwah diakses pada 12 Januari 2022 daripada <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2008/10/23/mufti-perlis-zakat-untuk-bukan-islam-tujuan-dakwah>

atas cadangan tersebut, begitu juga pada tahun 2019, sekali lagi isu ini dibincangkan kembali apabila Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim (ketika itu) mencadangkan agar institusi zakat melakukan pembaharuan, iaitu mengagihkan wang kutipan zakat kepada golongan bukan Islam.¹⁵

Ahli akademik, ahli politik juga mufti ada mengeluarkan pandangan masing-masing berkenaan hal ini (Zahri Hamat, 2010). Golongan mufti yang memberikan pandangan positif ialah Mufti Selangor dan Mufti Perlis. Mufti Selangor, Mohd Tamyas Hj. Abdul Wahid menyatakan bahawa, harus diberikan zakat kepada golongan bukan Islam bertujuan menjinakkan hati mereka lebih-lebih lagi diberikan kepada golongan bukan Islam yang memiliki pengaruh supaya mereka dapat menarik golongan mereka memeluk Islam (MAIS, 2005). Begitu juga dengan pandangan Mufti Perlis yang melihat hal ini merupakan salah satu jalan dakwah dan dapat membantu golongan bukan Islam yang memerlukan (Mohd Asri Zainal Abidin, 2007). Fatwa telah dikeluarkan oleh Mufti Perlis bagi memberikan zakat kepada golongan bukan Islam di bawah peruntukan muafaf pada 2017. Menurut Mufti Perlis, golongan bukan Islam boleh dikategorikan dalam asnaf "*al-mu'allafah qulubuhum*" atau golongan yang ingin diharmonikan sikap dan persepsi mereka terhadap Islam. Hal ini juga berkait dengan sejarah di mana agihan tersebut dilakukan oleh Rasulullah SAW.¹⁶

Isu berkenaan agihan zakat kepada golongan bukan Islam mula diperkatakan kembali apabila Datuk Seri Anwar Ibrahim, menggesa pusat zakat di negara ini membuat transformasi untuk mengatasi masalah kesempitan umat Islam dan

¹⁵ Sinar Harian, "Isu Zakat Kepada Bukan Islam Tak Perlu Dibangkitkan: Mufti". Diakses pada 20 Januari 2020 daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/55843/berita/nasional/isu-zakat-kepada-bukan-islam-tak-patut-dibangkitkan-mufti>

¹⁶ Mufti Perlis, "Hukum Pemberian Zakat Kepada Bukan Islam" diakses pada 22 Mac 2020 daripada <https://muftiperlis.gov.my/index.php/himpunan-fatwa-negeri/128-hukum-pemberian-zakat-kepada-bukan-muslim>

membantu golongan bukan Islam. Hal ini mendapat respon daripada pelbagai pihak, antaranya, Sultan Sharafuddin Idris Shah, Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Zakat Selangor, Mufti Perak dan Mufti Perlis. Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah telah mengeluarkan titah bagi siaran akhbar untuk memperjelas isu zakat kepada golongan bukan Islam, melalui kenyataan media tersebut, Sultan Sharafuddin Idris Shah menitahkan kutipan zakat hanya boleh diagihkan dalam lapan golongan asnaf, termasuk fakir miskin dan mualaf dalam kalangan umat Islam sahaja. Hal ini adalah berdasarkan nasihat daripada Mufti Selangor bahawa agihan zakat kepada golongan bukan Islam hanya dibolehkan sekiranya ia menjadi penyebab seseorang individu itu memeluk Islam di bawah asnaf *al-mu'allafah qulubuhum*.¹⁷ Sultan Selangor juga menitahkan agar isu berkenaan hal ini tidak dibincangkan secara umum.

Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Zakat Selangor turut mengeluarkan kenyataan bahawa prinsip tersebut adalah jelas dalam hadis sahih dan masyhur. Asnaf zakat merupakan mereka yang telah memeluk Islam, tetapi terdapat pengecualian terhadap asnaf mualaf, iaitu ahli keluarga mualaf di bawah tanggungannya selama 5 tahun, ahli keluarga yang berpotensi memeluk Islam atau ketua keluarga golongan bukan Islam yang berpengaruh dan berjinak dengan Islam diharapkan beliau dapat mempengaruhi masyarakatnya kepada Islam, mereka yang

¹⁷ Lihat Sinar Harian "Sultan Selangor Perjelas Isu Zakat". Diakses pada 20 Januari 2021 daripada <https://m.sinarharian.com.my/mobile-article?articleid=49556>. Lihat juga Sultan Selangor Titah Agihan Zakat Untuk Umat Islam Sahaja. Diakses pada 25 Februari 2021 daripada https://www.selangor.gov.my/selangor/resources/user_102/Keratan%20Akhbar%2011%20November%202019/Keratan_Akhbar_05_Nov_2019.pdf

perlu diamankan kejahatannya serta golongan bukan Islam yang ada di sempadan dikhuatiri belot kepada pemerintahan Islam.¹⁸

Mufti Perlis, Datuk Dr Mohd Asri Zainul Abidin sekali lagi mengeluarkan kenyataan bahawa Perlis telah meluluskan fatwa berkenaan hal ini dan telah melakukan hal tersebut iaitu mengagihkan zakat kepada golongan bukan Islam sejak dua tahun yang lalu, hal ini dibuat untuk mengharmonikan sikap dan persepsi golongan bukan Islam kepada Islam dan agihan tersebut dilakukan atas syarat yang ditentukan pemerintah.¹⁹ Berbeza dengan pandangan Mufti Perlis, bekas Mufti Perak, Tan Sri Harussani Zakaria, menyatakan bahawa, masih belum masanya untuk mengeluarkan wang zakat kepada golongan bukan Islam. Perkara ini diputuskan memandangkan masih ramai lagi orang Islam yang memerlukan dan perlu dibantu.²⁰ Datuk Seri Dr Wan Salim Mohd Noor, Mufti Pulau Pinang pula menyatakan bahawa perluasan agihan tersebut merupakan budi bicara pemerintah untuk kepentingan awam. Pemberian sebegini boleh atas dua tujuan iaitu untuk menarik golongan bukan Islam memeluk Islam atau membantu umat Islam dalam menghadapi musuh atau sekurang-kurangnya untuk meraih simpati mereka terhadap umat Islam. Pemberian kepada golongan bukan Islam boleh dilakukan sekiranya semua Muslim dalam kategori asnaf telah dibantu.²¹ Hal ini menunjukkan wujud perbezaan pandangan dan perbezaan ini melihat kepada pelbagai faktor antaranya ialah faktor setempat dan pemerintah.

¹⁸ Berita Harian, "Agihan Zakat Kepada Bukan Islam Pengecualian Kepada Asnaf Mualaf, diakses pada 21 Januari 2020 daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/11/624210/agihan-zakat-kepada-bukan-islam-pengecualian-kepada-asnaf-mualaf>

¹⁹ Harian Metro, "Perlis Lulus Fatwa Zakat untuk Orang Bukan Islam diakses pada 20 Januari 2020 daripada <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/11/512948/perlis-lulus-fatwa-zakat-untuk-bukan-muslim>

²⁰ Harian Metro, "Bantu Asnaf Muslim Dulu". Diakses pada 20 Januari 2020 daripada <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/11/513241/bantu-asnaf-muslim-dulu-mufti-perak>

²¹ Sinar Harian, "Zakat: Orang Islam Perlu Diutamakan, Kata Mufti Pulau Pinang". Diakses pada 20 Januari 2020 daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/55026/berita/nasional/zakat-orang-islam-perlu-diutamakan-kata-mufti-pulau-pinang>

Selain isu pandangan yang pelbagai, persoalan yang paling penting adalah apakah dibolehkan dana zakat diberikan kepada golongan bukan Islam pada masa kini? Jika dilihat dari sudut sejarah perkara tersebut pernah dilaksanakan Rasulullah SAW. Namun di Malaysia agihan kepada golongan bukan Islam seolah-olah tidak ditekankan oleh pihak pengurusan zakat. Kebanyakan perbincangan adalah berkisar tentang mualaf yang telah pun memeluk Islam. Isu lain yang boleh dilihat dalam konteks perbincangan agihan zakat kepada golongan bukan Islam ialah faktor pengagihan dan penerimaan zakat tersebut. Sekiranya golongan bukan Islam yang disenaraikan dalam asnaf mualaf tidak boleh diberikan dana zakat maka, pasti ada alasan terhadap hal tersebut. Mengapa mereka terkeluar daripada senarai penerima zakat (mualaf) sedangkan dari sudut definisi mereka juga layak.

Perkara seterusnya yang berkaitan dengan persoalan-persoalan sebelum ini ialah tentang ciri-ciri golongan bukan Islam yang boleh mendapat dana zakat. Ciri-ciri umum telah diketahui namun mungkin wujud penjelasan berkenaan ciri-ciri tersebut yang menjadi hujah kepada asas penerimaan atau penolakan pengagihan kepada golongan bukan Islam dalam konteks semasa. Perkara terakhir ialah dari segi manfaat yang diperoleh. Isu manfaat ini perlu dilihat sejajar dengan persoalan lain kerana berdasarkan kajian didapati seseorang mualaf itu mendapat bantuan yang pelbagai yang membantu dari pelbagai aspek kehidupannya. Skim-skim agihan yang diberikan dapat memenuhi keperluan ekonomi, sosial dan spiritual. Setiap negeri menawarkan skim yang berbeza namun secara asasnya adalah sama bagi menjaga keperluan mualaf terutama dari sudut kewangan dan pendidikan Islam. Sekiranya negeri-negeri ada memberikan zakat kepada golongan bukan Islam, maka manfaat agihan yang mana yang mereka peroleh dan adakah mereka mendapat bantuan-bantuan zakat yang sama dengan mualaf yang telah Islam peroleh?

Setakat pengetahuan penyelidik, pemberian dana zakat kepada golongan bukan Islam ada dilakukan oleh beberapa pihak. Sebagai contoh, menurut Abdul Ghafar Baba (2011), pemberian dana zakat pernah diberikan kepada mangsa golongan bukan Islam yang mengalami bencana alam dan kebakaran. Peruntukan wang zakat ada diberikan kepada golongan bukan Islam dan Orang Asli oleh Unit Dakwah, Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) dalam program dakwah yang dijalankan manakala Unit Ukhuwah, Bahagian Dakwah Jabatan Agama Johor, yang menguruskan mualaf di Johor ada memberikan suguhati berbentuk makanan dan sebagainya (walaupun tiada peruntukan khas) kepada ketua keluarga dan Tok Batin golongan bukan Islam sebagai memikat hati mereka kepada Islam (Othman Sahalan & Luqman Hj Abdullah, 2014).

Terdapat negeri-negeri yang membuat agihan zakat kepada golongan bukan Islam, namun agihan tersebut bukan atas peruntukan mualaf tetapi peruntukan bahagian amil yang dikhususkan kepada institusi zakat tersebut. Takrif golongan bukan Islam tersebut merujuk kepada masyarakat Orang Asli seperti di negeri Pahang, Perak, Kelantan dan Terengganu. Selain Orang Asli, masyarakat Siam juga termasuk takrifan golongan bukan Islam bagi negeri Kelantan (Rawi Nordin, et al, 2010).

Berdasarkan huraian ini, dari sudut praktis sebelum ini, agihan zakat kepada golongan bukan Islam kurang ditekankan oleh institusi-institusi zakat walaupun definisi mualaf di Malaysia merangkumi golongan bukan Islam. Hanya Perlis sahaja yang mengagihkan zakat kepada golongan bukan Islam, negeri-negeri yang lain ada memberikan secara tidak langsung tapi bukan dalam peruntukan asnaf mualaf. Oleh itu, perlu adanya kajian berkenaan agihan zakat terhadap golongan bukan Islam dengan meneliti kembali pandangan-pandangan cendekiawan masa kini, pengagihan

zakat pada masa kini oleh institusi zakat dan ciri-ciri golongan bukan Islam yang digariskan oleh sesebuah institusi zakat untuk melayakkan seseorang bukan Islam untuk mendapatkan dana zakat.

Oleh sebab agihan zakat dapat memberi manfaat untuk pembangunan seseorang individu dan membantu mereka yang kesempitan, maka persoalan lain yang boleh timbul ialah agihan zakat kepada golongan bukan Islam melibatkan tahap kemiskinan atau tidak? Seandainya pemberian daripada sumber lain seperti hadiah dan sedekah dibolehkan diberikan kepada golongan bukan Islam, maka persoalannya ialah adakah zakat bersifat eksklusif atau inklusif dalam konteks semasa? Zakat dapat memberi kebaikan bukan sahaja sekadar mendekati seseorang kepada Islam, malah mengharmonikan pandangan golongan bukan Islam terhadap Islam, menyemai semangat kekitaan dan memupuk sikap bantu-membantu. Hal ini menarik minat penyelidik untuk membincangkan hal-hal tersebut. Tiga aspek yang ingin dibincangkan ialah ciri-ciri golongan bukan Islam yang boleh diberikan zakat, pandangan cendekiawan terhadap agihan dalam konteks semasa dan bentuk agihan yang diberikan kepada mereka oleh institusi zakat.

Memandangkan asnaf-asnaf zakat ditentukan oleh al-Qur'an dan hanya ahli tafsir yang dapat mentafsir ayat-ayat al-Qur'an dengan tepat, maka, penjelasan ahli tafsir diperlukan serta penjelasan cendekiawan semasa juga perlu ditonjolkan agar perbincangan membawa kepada kefahaman yang menyeluruh berkenaan keadaan agihan semasa. Oleh itu, kajian ini dibuat untuk mencari penjelasan berkenaan hal-hal yang telah dinyatakan tersebut.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Perbincangan dalam pernyataan masalah menimbulkan beberapa persoalan kajian. Terdapat tiga persoalan kajian utama yang ingin dikaji dalam kajian ini. Persoalan-persoalan kajian ini meliputi tafsiran ulama tafsir terhadap asnaf mualaf dalam al-Qur'an serta pandangan cendekiawan berkenaan mualaf dan golongan bukan Islam. Persoalan berkenaan agihan dana zakat oleh institusi zakat kepada golongan bukan Islam juga terwujud. Maka, persoalan-persoalan dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Adakah tafsiran ulama tafsir terhadap perkataan *al-Mu'allafah qulubuhum* termasuk golongan bukan Islam?
- ii. Bagaimanakah pandangan cendekiawan di Malaysia terhadap agihan dana zakat kepada golongan bukan Islam?
- iii. Bagaimanakah amalan agihan zakat kepada golongan bukan Islam oleh Majlis Agama Islam Negeri?

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan persoalan kajian yang telah dibincangkan, secara umumnya, objektif kajian ini cuba menganalisis pandangan ulama tafsir dan cendekiawan di Malaysia berkenaan agihan dana zakat kepada golongan bukan Islam. Secara khususnya, kajian ini mempunyai objektif seperti berikut:

1. Mengenal pasti tafsiran golongan bukan Islam dalam istilah *al-Mu'allafah qulubuhum* oleh ulama tafsir.

2. Menganalisis pandangan cendekiawan tentang agihan zakat kepada golongan bukan Islam di Malaysia.
3. Menganalisis amalan agihan zakat kepada golongan bukan Islam oleh institusi zakat di Malaysia.

Dalam kajian ini terdapat tiga objektif kajian dan diikuti dengan tiga persoalan kajian. Objektif dan persoalan kajian yang pertama berkaitan dengan pentakrifan asnaf *al-Mu'allafah qulubuhum* oleh ulama tafsir. Dalam objektif pertama ini, perkataan dan penghuraian berkenaan golongan bukan Islam di dalam asnaf *al-mu'allafah qulubuhum* akan dikenal pasti. Satu perbandingan akan dibuat ke atas beberapa kitab tafsir bagi melihat perbezaan dan persamaan dari sudut penafsiran tersebut. Objektif kedua ialah menganalisis pandangan cendekiawan di Malaysia berkenaan agihan dana zakat kepada golongan bukan Islam. Objektif ketiga pula menumpukan kepada amalan agihan dana zakat kepada muallaf oleh institusi yang menguruskan zakat dalam negeri-negeri di Malaysia.

1.6 DEFINISI OPERASIONAL

Dalam kajian ini, terdapat beberapa istilah yang menjadi kata kunci kajian. Oleh itu, dalam bahagian definisi operasional ini akan dijelaskan kata kunci yang digunakan dalam kajian ini. Kata kunci yang digunakan dalam kajian ini ialah dana zakat dan golongan bukan Islam dan tafsiran kontemporari.

1.6.1 Dana Zakat

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, dana bermaksud kumpulan wang untuk sesuatu tujuan atau kegunaan. Selain itu, dana bermaksud pemberian, sedekah dan derma. Menurut al-Qaradawi (2011) dari sudut bahasa, zakat bererti tumbuh dan

bertambah. Apabila dikaitkan dengan manusia, ianya bermaksud menjadi baik dan bertambah baik. Hal ini juga berkaitan dengan hikmah zakat yang dapat membersihkan jiwa dan menghindarkan seseorang daripada sifat tamak (Surah at-Taubah, ayat 103), melahirkan sifat ihsan, belas kasihan dan menyayangi mereka yang miskin dan memerlukan (Surah at-Taubah, 71). Menurut Muhammad Bakar Ismail (2008), zakat mensucikan jiwa daripada penyakit jiwa dan badan. Maka zakat bermakna keberkatan, pertumbuhan, kebersihan dan kebaikan.

Zakat diwajibkan kepada umat Islam dan merupakan rukun Islam ketiga setelah mengucap dua kalimah syahadah dan melaksanakan solat.²² Ibadah zakat juga sering digandingkan dengan solat dalam ayat al-Qur'an.²³ Hal ini menunjukkan bahawa zakat dan solat merupakan dua ibadah yang tidak boleh dinafikan oleh umat Islam. Menurut Hamka (2006), menafikan zakat tapi hanya melaksanakan solat akan menyebabkan seseorang itu berdosa dan syirik kepada Allah SWT.²⁴ Antara ayat al-Qur'an yang menunjukkan gandingan dua rukun Islam ini ialah dalam Surah an-Nur ayat ke-56, Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Dan dirikanlah kamu akan sembahyang serta keluarkanlah zakat dan taatlah kepada Rasul supaya kamu beroleh rahmat” (Surah an-Nur, ayat 56).

Solat merupakan hak Allah SWT, manakala zakat merupakan hak manusia yang harus dilaksanakan. Dari segi syariah, zakat telah ditentukan untuk diagihkan kepada lapan golongan asnaf yang telah ditetapkan Allah SWT. Hal ini adalah sebagaimana yang disebut dalam Surah al-Taubah, ayat ke-60. Golongan yang tidak

²² Rukun bererti asas utama pembinaan sesuatu. Hal ini bermakna, tanpa mengeluarkan zakat, seperti juga tanpa sembahyang, berpuasa dan sebagainya keislaman seseorang itu tidak tertegak dengan baik, atau tidak tertegak langsung (Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid, 2002)

²³ Menurut Sayyid Sabiq (2009), terdapat lapan puluh dua ayat yang menggandingkan zakat dengan solat dalam ayat al-Qur'an.

²⁴ Khalifah Abu bakar mengisytiharkan perang kepada golongan yang enggan membayar zakat.

disebutkan dalam ayat tersebut tidak boleh diberikan zakat tetapi mereka merupakan pembayar zakat (al-Qurthubi, 2008). Terdapat dua jenis zakat yang wajib dikeluarkan oleh umat Islam iaitu zakat harta dan zakat fitrah. Zakat fitrah dikeluarkan pada bulan Ramadan manakala zakat harta dikeluarkan apabila cukup nisab²⁵ dan haulnya²⁶. Al-Banjari menyatakan bahawa harta-harta yang perlu dikeluarkan zakat setelah cukup jumlahnya dan telah mencapai satu tahun ialah zakat binatang, zakat tumbuhan, zakat emas dan perak, rikaz dan emas dan perak (dalam bumi). Selain daripada syarat cukup haul dan nisab, syarat berzakat mestilah seorang Islam kerana zakat tidak dikutip daripada orang bukan Islam, seorang yang merdeka, pemilikan harta adalah sempurna dan harta berkembang. Hal ini telah menyebabkan zakat diistilahkan dari segi syarak iaitu mengeluarkan harta tertentu dengan kadar tertentu mengikut syarat-syarat tertentu untuk diagihkan kepada golongan tertentu. Oleh itu, istilah inilah yang digunakan untuk definisi zakat dalam kajian ini.

1.6.2 Golongan Bukan Islam

Menurut Andek Masnah Andek Kelawa (2017), secara umum, kepercayaan aqidah yang dianuti manusia terbahagi kepada dua iaitu Islam dan bukan Islam. Golongan bukan Islam terdiri daripada ahli kitab iaitu Yahudi dan Nasrani dan Musyrik terdiri daripada kalangan Majusi (penyembah api) dan Wathaniah (penyembah berhala). Menurut Abdul Ghafar Haji Don dan Zulkipli Abd. Ghani (2017) pula, istilah non-Muslim tidak digunakan dalam kitab-kitab klasik. Istilah yang digunakan dalam al-Qur'an adalah seperti '*al-kafirun*' (orang-orang kafir) dan '*al-mushrikun*' (orang-orang musyrik). Istilah non-Muslim dipakai dalam karya-

²⁵ Rasulullah SAW bersabda: "Tamar yang kurang daripada 5 *awsuq* tidak diwajibkan zakat, Perak yang kurang daripada 5 *auqiah* tidak diwajibkan zakat, unta yang kurang daripada 5 ekor tidak diwajibkan zakat" (Hadis Riwayat Bukhari & Muslim).

²⁶ Tidak diwajibkan zakat atas sesuatu sehingga berlalu masa satu tahun (Hadis Riwayat Daruqutni).

karya penulisan moden. Walaupun al-Qur'an tidak menggunakan istilah non-Muslim tetapi penggunaan 'al-kafirun' dan 'al-mushrikun' adalah istilah yang tepat bagi menggambarkan sifat ingkar golongan tersebut kepada Allah SWT. Abu Ruwais Al-Syubrawi (2008) menyifatkan golongan kafir sebagai tidak suci, hal ini disebabkan oleh ketidaksucian rohani mereka disebabkan kepercayaan mereka yang sesat. Penyucian dapat dilakukan dengan kembali kepada Islam. Hal ini bermakna perkataan kafir digunakan bagi menggambarkan kepercayaan mereka.

Namun begitu, istilah semasa yang digunakan adalah bukan Islam atau non-Muslim, istilah non-Muslim digunakan bagi melaksanakan dakwah secara hikmah dan menjaga hati bukan Islam. Bukan Islam boleh menjadi warganegara Islam dan mereka perlu disantuni sebaiknya. Menurut Mustafa Hj. Daud (1989) dalam buku "Pemikiran politik dan ekonomi al-Maududi", bukan Islam memiliki tanggungjawab sebagaimana orang Islam dalam sesebuah negara. Bukan Islam dibahagikan kepada tiga golongan iaitu pertama, mereka yang menjadi warganegara dengan perjanjian damai, kedua, mereka yang menjadi warganegara Islam kerana peperangan yang telah kalah dan ketiga, mereka yang dilahirkan di negara Islam dan sebagainya. Bukan Islam yang menjadi warganegara dikenali sebagai *dhimmi*²⁷ atau orang yang diberi perlindungan. Mereka perlu membayar jizyah²⁸ bagi diberikan perlindungan. Namun terdapat dua hal yang boleh melucutkan keistimewaan mereka iaitu apabila mereka menyertai musuh Islam dan meninggalkan negara Islam dan apabila mereka melancarkan pemberontakan menggulingkan negara Islam.

²⁷ Zimmi bermaksud orang kafir yang tunduk dan patuh kepada pemerintahan Islam seperti dengan membayar cukai (nyawa, harta dan kehormatan diri mereka dilindungi serta mendapat keadilan (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2017).

²⁸ Menurut Kamus Istilah Fiqih (1997), jizyah merupakan pajak kepala yang dipungut pemerintah Islam daripada orang-orang bukan Islam sebagai jaminan keamanan mereka. Jizyah dilaksanakan pada zaman pemerintahan Rasulullah SAW dan khalifah-khalifah.

Abdullah Nasih Ulwan dalam Mujar Ibnu Syarif (2003) pula membahagikan golongan bukan Islam kepada empat kelompok, iaitu:

1. Ahli kitab (Yahudi dan Nasrani), yang agamanya berdasarkan Taurat yang dibawa oleh Nabi Musa dan Injil yang diterima oleh Nabi Isa.
2. Ateis dan orang-orang murtad. Ateis adalah orang yang tidak percaya kepada Tuhan, dan menolak risalah samawi yang diturunkan oleh Allah kepada para Rasul-Nya. Murtad bererti orang Islam yang meninggalkan atau keluar Islam dan memeluk agama selain Islam atau orang Muslim yang meyakini satu akidah yang bertentangan dengan Islam.
3. Paganis atau kaum musyrikin. Paganis atau orang musyrikin adalah orang-orang yang menyembah atau mengambil Tuhan selain Allah SWT. Mereka ini dibahagikan kepada dua iaitu orang-orang musyrik Arab dan orang-orang musyrik bukan Arab, yang menyembah api, bintang dan patung atau berhala.
4. Kaum munafik. Kaum ini merupakan kaum yang menyatakan dirinya Islam, namun kaum ini memiliki niat yang tidak baik terhadap Islam.

Pembahagian ini lebih terperinci kerana membahagikan golongan bukan Islam bukan sahaja kepada mereka yang tidak beragama malah memasukkan juga mereka yang telah keluar daripada agama Islam sebagai golongan bukan Islam. Menurut al-Qaradawi (2011), ahli kitab ialah mereka yang kufur kerana mendustakan Rasulullah SAW iaitu rasul terakhir yang diberikan kitab yang abadi yang membenarkan adanya kitab sebelumnya (al-Maidah ayat 48).

Al-Qaradawi (2011) menambah, walaupun Yahudi dan Nasrani dianggap kafir kerana mendustakan risalah Islam, namun mereka ada tempat khusus disebut Ahli Kitab Samawi. Mereka mempercayai dalam batas-batas tertentu, terhadap ketuhanan risalah dari langit serta pembalasan di akhirat, mereka lebih dekat dengan Islam daripada golongan yang lain. Oleh itu, Islam membenarkan orang Islam makan makanan mereka dan mengahwini mereka (al-Maaidah 5:5). Ahli kitab merupakan golongan yang dekat dengan umat Islam selagi mana mereka tidak memusuhi umat